

18 JUN 1999

Mahathir-Umno (Kejutan)

RAMAI MASIH MENUNGGU KEJUTAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Rata-rata di kalangan 2,034 anggota perwakilan yang menghadiri perhimpunan agung Umno, pihak media dan pemerhati yang mengerumuni Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini masih tertanya-tanya apakah dia "kejutan" dalam ucapan dasar presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan parti itu.

Walaupun Dr Mahathir sudahpun menyampaikan ucapan dasar itu, namun masih ramai yang belum dapat merasakan "kejutan" daripada intipati ucapan beliau.

Begitu juga pihak media, ada di kalangan wartawan tertanya-tanya yang mana satukah daripada ucapan beliau itu dianggap sebagai "kejutan".

Dr Mahathir pernah memberitahu media bahawa ucapan dasar beliau pada perhimpunan agung parti nanti adalah satu kejutan kepada semua termasuk media.

Pelbagai andaian dibuat mengenai kejutan yang hendak dibuat oleh Perdana Menteri itu antaranya kemungkinan beliau mengumumkan akan meletakkan jawatan, pembubaran parlimen bagi pilihan raya umum, rombakan kabinet dan pelantikan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan menggantikan Dr Mahathir.

Ada yang beranggapan ucapan beliau berhubung buku "Shit" hasil penulisan Sasterawan Negara Datuk Shahnun Ahmad sebagai kejutan kerana teks ucapan beliau berhubung perkara itu diedarkan berasingan dengan teks ucapan asal 20 muka surat yang diberi kepada pihak media sebelum itu.

Kerana belum dapat merasakan "kejutan" itu, ada yang menaruh harapan ia akan dibuat Dr Mahathir di akhir perhimpunan itu nanti.

Bagaimanapun, seorang perwakilan yang ditemui di sini menganggap "kejutan" itu sebenarnya keberanian Dr Mahathir bercakap lantang dan terperinci berhubung pelbagai isu terutamanya isu pemecatan bekas timbalan presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Mohd Ismail Maulut, perwakilan dari Umno bahagian Teluk Intan berkata Dr Mahathir pernah bercakap secara ringkas mengenai isu Anwar dan tidak begitu lantang seperti hari ini.

Beliau yang pertama kali menghadiri perhimpunan agung parti sebagai perwakilan berkata ucapan Dr Mahathir memaparkan ketelusan beliau dalam semua perkara politik, ekonomi dan agama.

"Ucapan dasar beliau amat bagus dan tepat pada masanya dan ia menaikkan semangat dan keyakinan kepada anggota," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Barisan Nasional Datuk Mohamed Rahmat ketika ditanya mengenai "kejutan" itu berkata: "Kejutan semakin hampir."

Bekas Menteri Penerangan itu berkata penjelasan Dr Mahathir mengenai Anwar tidak mungkin "kejutan" yang ditunggu-tunggu.

"Kita tunggulah apa kejutan itu," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas perasmian perhimpunan agung Umno.

-- BERNAMA

ARA ES NAK